

Rumah RM1 juta diancam hakisan

Hujan lebat menyebabkan berlaku runtuh tebing sungai

Oleh Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Bachok: Sebuah rumah dua tingkat dianggar bernilai lebih RM1 juta berisiko roboh selepas tanah di kawasan belakang kediaman itu di Kampung Kuau, di sini, runtuh akibat hakisan.

Runtuh disedari berlaku ketika hujan lebat kira-kira jam 3.45 petang kelmarin, sebelum jiran memaklumkan pemilik kediaman yang dalam pembinaan itu, yang dikatakan tinggal di Kampung Binjai di Kota Bharu.

Fadilah Omar, 40, berkata dia dimaklumkan pemilik sepatutnya berpindah masuk ke rumah terbabit Februari depan selepas pembinaan memakan masa hampir lima tahun.

“Bila jadi hakisan, dah jadi status tak selamat... harap pihak berkenaan mempercepatkan bantuan,” katanya ketika ditemui.

Jiran lain, Siti Fatimah Mat, 56, turut bimbang sehingga menga-kui tidak dapat tidur lena selepas hakisan berlaku di kawasan itu, apatah lagi suaminya, Azmi Abdullah, 66, terlantar akibat angin ahmar.

Katanya, terdapat tiga rumah menghadap Sungai Kuau dan setakat ini sudah tiga kali runtuh berlaku akibat hakisan di kawasan belakang rumah mereka dalam tempoh 10 tahun.

“Dahulu, keluasan sungai tak sampai 30 meter, sekarang terhakis semakin lebar.

“Saya tidur pun tak lena sebab bimbang berlaku lagi hakisan terutamanya waktu malam,” katanya.

Bina benteng batu

Penduduk lain, Hamzah Jusoh, 55, berkata meskipun benteng batu sudah dibina susulan hakisan di kawasan belakang rumahnya dua tahun lalu, kejadian hakisan



Keadaan rumah dua tingkat dianggar bernilai RM1 juta diancam hakisan di Kampung Kuau, Bachok.

(Foto BERNAMA)

berlaku lagi sehingga meresahkan penduduk.

“Jarak rumah dan sungai sangat dekat, jadi sekarang kami risau sebab musim hujan belum tamat, tambahan pula angin kuat.

“Ketika kejadian hakisan lalu,

hampir sebulan kami menumpang rumah keluarga lain dan ketiadaan api dan elektrik kerana bimbang rumah runtuh,” katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Irama, Mohd Huzaimy Che Hussin, yang melawat

memaklumkan sebelum ini kawasan itu sudah dibaiki mem-babitkan peruntukan RM800,000.

“Untuk kejadian ini, kita akan angkat kertas laporan daripada JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) untuk memohon peruntukan bagi tindakan lanjut,” katanya.

PPPM pastikan kejayaan IPTA jangka masa panjang

Perancangan Pelan Penggantian Mampan (PPPM) inisiatif yang diketengahkan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) untuk memastikan kejayaan jangka panjang dan kestabilan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

PPPM merujuk kepada proses mengenal pasti, membangun dan menyediakan bakal pemimpin pada masa depan dalam sebuah organisasi untuk mengisi jawatan utama dan penting yang kosong disebabkan persaraan, kenaikan pangkat dan lain-lain.

Ini bertepatan dengan aspirasi AKEPT untuk memberi penekanan besar kepada pembelajaran berterusan bagi memastikan bakal pemimpin dilengkapi dengan pengetahuan akademik dan kompetensi diperlukan untuk kepimpinan pendidikan tinggi awam.

Di samping itu, AKEPT berperanan penting merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Dalam konteks IPTA, ketiadaan PPPM boleh menyebabkan risiko dan cabaran besar. Tanpa strategi penggantian berstruktur bagi mengenal pasti dan menyediakan pemimpin pada masa depan, institusi ini bakal berhadapan gangguan terhadap kesinambungan kepimpinan.

Antara kesan apabila PPPM ga-

gal dijalankan dengan teliti, pertama ia akan mengganggu pelaksanaan hala tuju institusi pengajian tinggi, dan menyebabkan kelewatan membuat keputusan penting.

Kedua, sistem penggantian yang tidak dirancang dengan teliti boleh menyebabkan kekurangan individu berkelayakan untuk mengambil peranan kepimpinan. Keadaan ini akan menyebabkan pengisian jawatan penting secara tergesa-gesa tanpa proses penilaian yang jitu.

Ketiga, transisi pengetahuan dan maklumat daripada pemimpin akan bersara kepada pengganti mereka yang tidak sistematis akan menyebabkan institusi pengajian tinggi berisiko kehilangan momentum bagi mengekalkan keunggulan dan perkembangannya.

Selain mengenal pasti calon pengganti, PPPM juga boleh memastikan kelangsungan kepimpinan dengan membangunkan calon pemimpin yang boleh diketengahkan.

AKEPT menyelaraskan perancangan penggantian yang melibatkan pembangunan profesional individu dan strategi untuk menarik dan merekrut pemimpin terbaik. Pendekatan komprehensif ini memastikan institusi pengajian tinggi mempunyai akses kepada kumpulan individu berbakat dari pelbagai bidang se-

bagai calon pemimpin.

Bagi memastikan proses peralihan berjalan dengan lancar, pengembangan bakat dalaman melalui program latihan dan pembangunan pemimpin dilaksanakan di bawah Pusat Pemprofilan Kepimpinan, Pusat Kelestarian Kepimpinan dan Pusat Pembangunan Kepimpinan di bawah AKEPT.

Ini memberi peluang kepada individu berkelayakan untuk mengasah kemahiran kepimpinan mereka sebelum dilantik mengisi jawatan utama dalam institusi pengajian tinggi.

Di bawah Pusat Pemprofilan Kepimpinan, pengenalan kemahiran yang diperlukan dalam kalangan peserta dilakukan. Antaranya adalah mengenal pasti kompetensi kepimpinan yang diperlukan oleh pemimpin dalam IPTA. Ini membantu dalam menilai kemahiran individu dan menentukan kompetensi yang memerlukan penambahbaikan.

Dengan bantuan AKEPT juga, organisasi boleh memastikan bahawa pemimpin mereka memiliki kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam peranan mereka dan memacu institusi mereka ke arah kejayaan.

Di bawah seliaan Pusat Pembangunan Kepimpinan, pendekatan diguna pakai oleh AKEPT tertumpu kepada pembangunan



Kunjungan delegasi AKEPT ke IPT bagi memperkukuhkan jaringan kerjasama dan pemantapan sinergi.

pemimpin holistik yang menekankan kepentingan mengimbangi perkembangan peribadi dan profesional, sentiasa memperbaiki dan menambah baik diri sendiri dan juga orang sekeliling, dan memupuk budaya organisasi yang kolaboratif.

Dalam erti kata lain, ini tertumpu falsafah kepimpinan yang berteraskan nilai-nilai murni.

Apabila PPPM kukuh, pengetahuan, pengalaman dan penggantian pemimpin institusi dapat dipelihara dan dipindahkan kepada kepimpinan yang baharu secara berkesan. Ini dapat membantu untuk memastikan kestabilan, kelangsungan dan kesinambungan bagi mencapai visi dan misi IPTA.

Peranan PPPM bukan sahaja membantu dalam mengenal pasti bakal pemimpin, tetapi juga memastikan bahawa institusi pengajian tinggi bersedia untuk menghadapi cabaran dan keperluan yang datang dengan cara yang teratur, proaktif, dan berkesan.

Kesimpulannya, Perancangan Pelan Penggantian Mampan AKEPT bukan sahaja untuk pengisian jawatan, ia juga strategi dinamik dan komprehensif memastikan individu yang tepat mendukung peranan diperlukan apabila tiba masanya.

Melalui pendekatan berasaskan kompetensi, semakan sistematis, pembangunan kepimpinan yang proaktif, dan tumpuan untuk menarik pemimpin terbaik, sumbangan AKEPT adalah sangat berimpak tinggi dalam menyumbang kepada kesinambungan kepimpinan di IPTA.

Oleh Timbalan Pengarah Akademi Kepimpinan Tinggi KPT, Prof Madya Dr Norazharuddin Shah Abdullah; Dekan Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan UIAM, Prof Madya Dr Mohd Azrul Azlen Abd Hamid dan Pengarah Pusat Ko-Kurikulum Berkredit UIAM, Ruzai Syarililu Aiyu Abd Rashid